

**Kurangkan Kapasiti Pengeluaran Akan Jadi Langkah Terakhir, Kata Perodua Bernama
6 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) mungkin mengurangkan kapasiti pengeluaran sebagai langkah terakhir sekiranya jualan terus merosot disebabkan syarat-syarat ketat dalam pinjaman sewa beli bagi kereta.

Pengarah Urusannya, Datuk Aminar Rashid Salleh, berkata Perodua juga sedang meneliti langkah-langkah lain untuk menangani isu ini.

Beliau, bagaimanapun, enggan menjelaskan lebih lanjut.

"Sekiranya keadaan tidak bertambah baik, jelas sekali kami perlu melihat kepada langkah-langkah tindak balas, mengurangkan pengeluaran akan menjadi yang terakhir," katanya kepada pemberita selepas majlis "Penyerahan Dana Pembangunan dan Pengubahsuaian Perodua Eco-Challenge kepada Institusi Pengajian Tinggi" di sini, Selasa.

Pengeluar kereta nasional kedua itu berkata sekiranya masalah tersebut berterusan, ia bukan sahaja menjejaskan jualan tetapi juga pemegang kepentingan lain seperti pengedar dan vendor.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650318>